

Mustafa berkata, pemilihan ini dibuat berdasarkan sumbangannya dalam usaha mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia yang dapat dimanfaatkan oleh Malaysia untuk mengembangkan pelbagai potensi, khususnya dalam pasaran pendidikan tinggi di Indonesia.

"Seramai 690 pelajar Indonesia sedang mengikuti pengajian di UUM yang terdiri daripada 293 pelajar pascasiswazah dan 397 pelajar ijazah pertama di samping itu, 519 pelajar dari Indonesia telah menamatkan pengajian di Universiti ini.

"Bilangan pelajar dan graduan dari Indonesia merupakan jumlah yang teramai berbanding pelajar dari 42 negara yang lain sekali gus meningkatkan lagi hubungan Indonesia-Malaysia yang sedia terjalin," ujarnya.

Katanya, peranan yang dimainkan oleh Susilo Bambang dalam mengeratkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara telah memberi impak positif dari segi pasaran pengajian tinggi universiti-universiti Malaysia, khususnya UUM.

"UUM yang terletak dalam lingkungan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia- Thailand (IMT-GT) telah mendapat manfaat besar, khususnya melalui program yang dianjurkan sama ada melalui Sekretariat IMT-GT atau IMT-GT University Network (IMT-GT Uninet) seperti program pertukaran pelajar, kebudayaan dan sukan.

Beliau menyifatkan Susilo Bambang sebagai arkitek pemulihan kepada keamanan di Indonesia yang membantu memperkukuhkan keamanan di rantau ini yang secara tidak langsung memberi impak besar dari segi kestabilan ekonomi dan politik di rantau ini.

Jelasnya, penganugerahan ini akan membantu mempromosikan Malaysia, khususnya UUM serta menarik ramai pelajar Indonesia untuk meneruskan pengajian tinggi di negara ini sekali gus memberi kesan yang positif dalam imbalan pembayaran negara.

Habis.